



KENYATAAN MEDIA

24 Jun 2016

UniMAP LANCAR SKIM TABARRUQ KHAIRAT KEMATIAN

Pauh Putra, 24 Jun – Bersempena bulan Ramadhan pada tahun ini, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menganjurkan Majlis Ihtifal Ihya' Ramadhan yang diadakan di Dewan Ilmu, Kampus Tetap UniMAP, baru-baru ini.

Dalam majlis berkenaan turut dilancarkan Skim Tabarruq Khairat Kematian yang merupakan skim yang melengkapkan Badan Pengurusan Khairat Kematian UniMAP sedia ada.

Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata, UniMAP berhasrat berhasrat mewajibkan staf muslim tempatan membuat potongan gaji sebanyak lima ringgit sebulan dan amaun yang lebih tinggi amat dialu-alukan.

"InsyaAllah dengan adanya program ini, kebajikan staf serta keluarga akan terjaga dengan rapi, mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

"Saya yakin ini dapat membantu meringankan beban kewangan staf dan keluarga setelah mengharungi dugaan kehilangan insan tersayang", katanya ketika berucap dalam majlis berkenaan.

Turut berkenan berangkat hadir ke majlis itu ialah Raja Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, Raja Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Hadir sama ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis Dato' Hamdan Bahari yang mewakili Menteri Besar Perlis, Setiausaha Kerajaan Negeri Tuan Ahmad Zamri Khairuddin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Dato' Prof Emeritus Ir Dr Zainai Mohamed dan Mantan Naib Canselor UniMAP Datuk Prof Dr Emeritus Dr Kamarudin Hussin.

Dalam majlis berkenaan Tuanku Canselor UniMAP dan Tuanku Pro Canselor UniMAP telah berkenan menyampaikan sumbangan kepada lebih 30 orang anak yatim yang terdiri daripada anak bekas staf UniMAP serta 20 orang pelajar asnaf UniMAP.

Sumbangan bantuan berbentuk wang tunai serta barangan keperluan ini adalah bagi meringankan beban golongan itu dalam persediaan menyambut Aidilfitri.

Hampir 1000 tetamu terdiri daripada kakitangan UniMAP dan pelajar UniMAP turut hadir memeriahkan majlis berkenaan.

Dikeluarkan Oleh :

Nurul Syawaliah Mansor

Unit Perhubungan Media